

CITREX MECOLAMIN 500MCG TABLET

Mecobalamin

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Citrex Mecolamin 500mcg Tablet*
2. Bagaimana *Citrex Mecolamin 500mcg Tablet* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Citrex Mecolamin 500mcg Tablet*
4. Cara menggunakan *Citrex Mecolamin 500mcg Tablet*
5. Semasa menggunakan *Citrex Mecolamin 500mcg Tablet*
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan *Citrex Mecolamin 500mcg Tablet*
8. Maklumat Lanjut
9. Pemegang Pendaftaran Produk dan Pengilang
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Citrex Mecolamin 500mcg Tablet*?

Citrex Mecolamin 500mcg Tablet mengandungi bahan aktif yang dikenali *Mecobalamin*.

Citrex Mecolamin 500mcg Tablet digunakan dalam rawatan *peripheral neuropathis* (kerusakan pada saraf peripheral).

Bagaimana *Citrex Mecolamin 500mcg Tablet* berfungsi?

Mecobalamin merupakan sejenis koenzim Vitamin B12. Ia merupakan peranan penting dalam pemulihan sel saraf yang rosak dan memastikan sel saraf berfungsi dengan baik.

Sebelum mengambil *Citrex Mecolamin 500mcg Tablet*

Anda tidak boleh mengambil *Mecolamin* sekiranya anda:

- Pernah mengalami alahan terhadap *Mecobalamin* atau bahan-bahan lain ubat ini.

Sebelum mula mengambil

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mempunyai alahan terhadap apa-apa ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya:

- Pekerjaan anda memerlukan anda mengendalikan merkuri atau bahan-bahan yang mengandungi merkuri.

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, dapatkan keterangan lanjut daripada doktor anda.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubat yang didapatkan tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat boleh berinteraksi dengan *Citrex Mecolamin 500mcg Tablet*. Adalah penting untuk anda memberitahu doktor anda atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil:

- Ubat penyakit kencing manis cth. *metformin*
- Antibiotik cth. *Chloramphenicol, neomycin, aminosalicylic acid* dan kumpulan aminoglikosida cth. *Gentamicin*
- Ubat untuk ulser perut cth. *Cimetidine, ranitidine*
- Ubat untuk sawan, cth. *Phenobarbital*
- *Colchicine*, untuk gout.

Semasa Menggunakan Dan Menyusukan Bayi

Dapatkan nasihat daripada doktor sebelum anda mula mengambil sebarang ubat-ubatan.

Cara menggunakan *Citrex Mecolamin 500mcg Tablet*

Sentiasa ambil ubat ini sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, Tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa banyak harus diambil

Dewasa:

Dos permulaan adalah 500mcg (1 tablet) diambil 3 kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Berapa lama perlu diambil

Sila ambil ubat anda sepertimana yang diarahkan oleh doktor anda. Ubat ini berfungsi untuk mengawal keadaan anda tetapi bukan untuk menyembuhkannya. Adalah penting

untuk anda terus mengambil ubat ini walaupun anda telah berasa sihat,

Sekiranya tahap kesihatan anda tidak bertambah baik setelah sebulan mengambil ubat ini dan situasi ini telah disahkan oleh doktor, anda mungkin akan dinasihatkan untuk berhenti mengambil ubat ini.

Jika terlupa mengambil

Ambil dos anda dengan segera apabila anda ingat dan teruskan mengambil seperti biasa. Jika hampir masa kepada dos seterusnya, abaikan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya pada waktu yang ditetapkan. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada sebarang kesan keracunan yang diketahui pada masa ini untuk ubat ini. Rawatan mungkin tidak diperlukan sekiranya anda terlebih dos.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai produk ini, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan *Citrex Mecolamin 500mcg Tablet*

Perkara yang perlu dilakukan

- Patuhi arahan doktor atau ahli farmasi anda ketika menggunakan ubat ini. Sekiranya anda tidak pasti, rujuk doktor atau ahli farmasi anda.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat lain termasuk ubat yang diambil tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan menjadi serius atau apa-apa yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil semasa menggunakan ubat ini maklumkan kepada doktor anda.

CITREX MECOLAMIN 500MCG TABLET

Mecobalamin

- Jika anda merancang untuk mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil Mecolamin.
- Sekiranya anda sedang dirawat untuk penyakit kencing manis, pastikan anda sentiasa memeriksa kandungan gula dalam darah anda sekiranya terdapat sebarang perubahan.

Perkara yang tidak boleh dilakukan.

- Jangan berhenti mengambil ubat ini tanpa merujuk kepada doktor anda. Adalah amat penting untuk terus mengambil ubat anda walaupun anda sudah berasa sihat.
- Jangan mengambil ubat ini selepas melebihi tarikh luput yang dinyatakan pada strip dan kotak ubat.
- Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun tanda-tandanya sama seperti anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Pengambilan ubat ini tidak memberi sebarang kesan terhadap keupayaan memandu kenderaan atau pengendalian mesin.

Kesan-Kesan Sampingan

Seperti ubat-ubat lain ubat ini boleh mendatangkan kesan sampingan kepada pesakit terutamanya pada permulaan pengambilan ubat walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi, sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan yang merunsingkan anda seperti berikut:

- Anoreksia
- Loya
- Muntah-muntah
- Cirit-birit

Senarai dia atas adalah antara kesan-kesan sampingan umum ubat ini.

Maklumkan kepada doktor anda secepat mungkin sekiranya anda mengalami sebarang tanda-tanda berikut:

- Ruam atau *urticarial*

Senarai diatas adalah antara kesan-kesan sampingan yang jarang berlaku.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat. Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan mungkin juga akan dialami oleh sesetengah orang.

Cara Penyimpanan Citrex Mecolamin 500mcg Tablet

Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C. Lindungi ubat daripada cahaya dan kelembapan.

Jauhi ubat-ubatan dari kanak-kanak.

Pelupusan

Jangan guna ubat ini yang telah melebihi tarikh luput seperti yang dinyatakan pada strip dan kotak ubat.

Jika anda diarahkan oleh doktor untuk berhenti mengambil ubat ini atau ia telah melebihi tarikh luput, tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk mengendalikannya baki ubat tersebut.

Maklumat Lanjut

Rupa dan kandungan

Tablet bersalut filem, berbentuk bulat, berwarna merah jambu dan sekata pada kedua-dua permukaan.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif;
Mecobalamin 500mcg

Bahan tidak aktif:
Magnesium stearate, Microcrystalline Cellulose, Colloidal Sillica, Lactose Anhydrous dan Purified Water

Nombor MAL

MAL18046137XZ

Pemegang Pendaftaran dan Pengilang

Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan, Bakar Arang Industrial Estate, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

05/09/2019

Nombor Siri

NPRA(R2/1)190904/239